



**PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KIMIA MALAYSIA  
FEBRUARI 2019**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA  
DR. CORNELIA CHARITO SIRICORD  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**12 FEBRUARI 2019  
DATARAN KIMIA MALAYSIA  
8.30 PAGI**

**DISEDIAKAN OLEH  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

## **(Salutasi)**

*Bismillahirrahmanirrahim*

- Terima kasih saudara dan saudari  
Pengerusi Majlis
- **Yang Berusaha Tuan Haji Mohamed  
Zaini bin Abdul Rahman**  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar),  
Jabatan Kimia Malaysia
- **Pengarah-Pengarah Kanan Pusat  
Analisis**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian**

- **Serta Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA yang saya hormati sekalian.**

Assalamualaikum                      Warrahmatullahi  
Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, pada pagi yang berbahagia ini dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan

Bulanan Jabatan Kimia Malaysia Ibu  
Pejabat bagi bulan Februari 2019.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja **Pusat Analisis Keselamatan Air Minum, Makanan dan Alam Sekitar (SEKITARAN)** kerana telah mengatur dan menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini dengan baik sekali.

3. Juga tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina & “Gong Xi Fa Cai” kepada sahabat-sahabat kita yang merayakannya. Pada hari ini, saya melihat ada yang memakai pakaian berwarna merah. Seperti yang semua sedia maklum, warna merah adalah sinonim dengan Tahun Baru Cina. Merah melambangkan nasib baik (*ong*), *prosperity* dan kegembiraan bagi kaum Cina.

4. Semoga warna merah ini turut membakar semangat KITA semua untuk terus bersatu bersiap siaga menghadapi cabaran dalaman atau dari luar bagi memperkasakan KIMIA agar terus berada di puncak. Tiada kompromi dalam kualiti perkhidmatan kita.
  
5. Bak kata William A. Foster ; **“Quality is never an accident; it is always the result of high intention, sincere effort, intelligent direction and**

**skillful execution; it represents the wise choice of many alternatives”.**

6. Maka saya berharap dan juga memohon agar semua warga Kimia terus memastikan hasil kerja dan laporan yang kita keluarkan adalah tepat dan berkualiti. Untuk memastikannya, beberapa kursus telah kita rancang untuk warga KIMIA bagi memantapkan lagi kefahaman, kemahiran dan kompetensi semua.

Hadirin sekalian,

**[PERSARAAN]**

7. Untuk makluman semua, dua orang warga Kimia telah bersara (Pilihan) pada bulan Februari 2019 ini; Encik Ahmad Jamri bin Abdul Rahman, Pembantu Operasi Gred N14KUP dari JKMN Pahang dan Encik Zakariah bin Ab Samad, Pengawal Keselamatan Gred KP14 TBK dari JKMN Melaka.
  
8. Saya merakamkan ribuan terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan tuan-



tuan pada Jabatan Kimia Malaysia selama ini.

### **[KENAIKAN PANGKAT]**

9. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada 5 orang pegawai yang telah dinaikkan pangkat /pemangkuan pada bulan Januari lepas.
  - Encik Farulnizam bin Ismail Pembantu Makmal Gred C26 dan Puan Nooratikah binti Mohd Yusoff, pembantu Makmal Gred C19; masing-

masing memangku gred C28 dan gred C22 dan ditempatkan di Pusat Forensik.

- Encik Chua Chun Kee dan Puan Dharmeziyana binti Daud, Pegawai Sains Gred Fleksi C41/C44 telah disahkan jawatan ke gred hakiki C44 dan ditempatkan di Pusat Forensik.
- Puan Siti Khadijah binti Abu Shah, Pembantu Makmal Gred C19 memangku Gred C22 dan ditempatkan di JKMN Melaka.

10. Diharapkan dengan kenaikan pangkat ini tuan/puan akan terus bersemangat dan komited dalam kerjaya masing-masing dan juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti diri sendiri.

### **[ARAHAN PENANGGUNGAN KERJA]**

11. Untuk makluman semua jua, bermula 1 Februari 2019, Encik Abdullah bin Mohammad Yusof, Pengarah Bahagian Kualiti Air telah menanggung kerja Pengarah Kanan Pusat Sekitaran kerana Puan Zaiton

Ariffin, Pengarah Kanan Pusat Sekitaran sedang bercuti rehat yang panjang. Semoga Encik Abdullah tabah menggalas tanggungjawab tersebut dan juga memimpin dengan warga SEKITARAN ke arah kecemerlangan.

Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian,

**[MAJLIS AMANAT 2019 YB MENTERI]**

12. Pada 28 Januari yang lalu, pihak MESTECC telah mengadakan Majlis Amanat YB Menteri di Hotel Zenith,

Putrajaya. Majlis ini turut mengandungi Program MESTECC 2019 yang dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu

- i. Pelancaran Inisiatif MESTECC,
- ii. *Walkabout* yang mempamerkan senarai inisiatif MESTECC 2019-2020 dan highlight program utama Jabatan/Agensi MESTECC. Syabas kepada Encik Abdullah bin Mohd Yusof dan pasukan dari Bahagian Kualiti Air, Pusat SEKITARAN

yang telah mempamerkan  
keupayaan KIMIA; dan

- iii. Pemakluman tagline MESTEC  
2019: **Kuasai. Laksana.  
Ungguli (Own It. Do It. Ace It).**

***a. Kuasai (Own It)***

*Point* pertama yang ditekankan oleh  
YB Menteri adalah Kuasai (*Own It*).  
Kenapa **Kuasai** dan bukan Miliki? Ini  
kerana kita seharusnya ambil  
tanggungjawab; “Grab and Take  
Charge” apa yang telah diamanahkan

kepada kita. Kita jangan menunggu untuk diberitahu mahupun diingatkan tentang tanggungjawab kita.

**b. *Laksana (Do It)***

*Point* kedua adalah Laksana (*Do It*). Kita seharusnya bertindak pantas tanpa memberikan sebarang alasan. Fikirkan penyelesaian kepada masalah dan bukannya masalah kepada penyelesaian.

**c. Ungguli (*Ace It*)**

*Point* terakhir yang ditekankan oleh YB Menteri dalam amanat beliau adalah Ungguli (*Ace It*). Kita sebagai warga KIMIA harus memberikan perkhidmatan & usaha yang terbaik kepada orang awam.



Warga KIMIA yang dikasihi,

**[PERMUAFAKATAN PERKHIDMATAN  
AWAM MALAYSIA]**

12. Untuk makluman, suatu Program Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Bersama YAB Perdana Menteri telah diadakan pada hujung tahun lepas dan menghasilkan Permuafakatan yang telah dipersetujui secara bersama untuk dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam yang menepati

aspirasi kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Daripada apa yang telah dipersetujui, saya garapkan intipatinya untuk kita hayati sebagai penjawat awam;

- **Memahami bahawa** matlamat akhir yang hendak dicapai oleh Kerajaan adalah pembentukan sebuah Negara Malaysia yang maju menjelang tahun 2025 bukan sahaja diukur berdasarkan pencapaian lahiriah atau fizikal

sahaja tetapi turut dinilai dari segi moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain;

- **Menyedari bahawa** Perkhidmatan Awam Malaysia menggalas tanggungjawab yang penting demi memastikan pembangunan Negara senantiasa berada pada tahap berdaya maju dan lestari;
- **Menyedari bahawa** setiap tindakan yang dilaksanakan atau tidak dilaksanakan oleh warga KIMIA

memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat dan Negara;

- **Menyedari bahawa** warga KIMIA perlu mempunyai jati diri, melaksanakan tanggungjawab dengan amanah berteraskan profesionalisme dan integriti yang kukuh serta menghayati amalan tadbir urus yang terpuji;
- **Menyedari bahawa** warga KIMIA perlu responsif dan bertindak balas terhadap perkembangan ekonomi, sosial, politik dan teknologi yang

berlaku di peringkat nasional dan antarabangsa yang memberi cabaran hebat kepada Kimia Malaysia dan Negara; dan

- **Menyedari bahawa** untuk mencapai keberhasilan yang bermakna dan lestari untuk rakyat, warga KIMIA perlu melaksanakan amalan kerja terbaik dan menghasilkan penciptaan baharu.

Hadirin sekalian,

**[PELAN ANTIRASUAH NASIONAL]**

13. Pada 29hb Januari yang lalu YAB Perdana Menteri kita, Tun Dr Mahathir Mohamed telah merasmikan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) di PICC, Putrajaya untuk mencapai visi **Ke arah Negara Bebas Rasuah.**
  
14. Sebanyak 6 Bidang Berisiko telah dikenalpasti terdedah kepada perlakuan rasuah:

**a. Tadbir Urus Politik**

- i. Memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik.

**b. Pentadbiran Sektor Awam**

- i. Memperkukuh kecekapan penyampaian Perkhidmatan awam.

**c. Perolehan Awam**

- i. Mempertingkat keberkesanan dan ketelusan perolehan awam

#### **d. Perundangan Dan Kehakiman**

- i. Mempertingkat kredibilitas sistem perundangan dan kehakiman

#### **e. Penguatkuasaan Undang-Undang**

- i. Menginstitusikan kredibilitas agensi penguatkuasaan undang-undang

#### **f. Tadbir Urus Korporat**

- i. Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat



## [PENUTUP]

15. Saya berharap dengan perkongsian saya mengenai Permuafakatan dan NACP tadi dapat memberikan aspirasi kepada semua warga KIMIA agar terus beriltizam untuk **bangkit bersama menelusuri arus transformasi memperkasakan kualiti penyampaian perkhidmatan analisis saintifik yang lebih pantas, tepat dan efektif dalam memacu daya saing global yang mampan**

**dem i melestarikan kesejahteraan rakyat.**

16. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan selamat panjang umur dan murah rezeki kepada warga KIMIA yang menyambut ulangtahun kelahiran pada bulan Februari ini.

Sekian, Wabillahittaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.